



PROGRAM PEMANTAPAN & PENTAULIAHAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) 2022



Pada 23 dan 24 Mac 2022, bertempat di Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD), Bandar Enstek, Pusat Kerjaya dan Kaunseling dengan kerjasama Pejabat Pendaftar dan Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD) telah menganjurkan Program Pemantapan dan Pentaualihan Rakan AKRAB UiTM.

Program yang julung kali diadakan ini telah disertai oleh seramai 61 orang ahli AKRAB seluruh sistem UiTM mengikut SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 yang ditetapkan.

Pengisian Program Pemantapan disampaikan oleh Prof Datuk Dr Mizan Hitam Penolong Naib Canselor Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD) UiTM, Dato' Pauzan

Ahmar, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam dan Puan Siti Zubaidah Othman Siru, Pegawai Psikologi Kanan, Seksyen Pengurusan Psikologi, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Pentaualihan pula telah disempurnakan oleh Y.Bhg Prof Datuk Ts Dr Hj Roziah Janor yang diwakili oleh Prof Dr Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hap Ehwat Pelajar).

Program ini dijalankan untuk memberi peluang kepada ahli AKRAB UiTM mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari dan untuk meraikan pelantikan mereka secara rasmi sebagai ahli AKRAB UiTM.



PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

 03 - 5544 2630/2379/3211/3496

 pkk@uitm.edu.my

